



**KENYATAAN MEDIA**  
**JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**  
**(KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)**

---

**LAWATAN TURUN PADANG MENTERI SUMBER MANUSIA KE TAPAK PEMBINAAN PARCEL F PUTRAJAYA HOLDINGS SDN. BHD., PUTRAJAYA**

Putrajaya, 28 Februari – YB Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, Menteri Sumber Manusia, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah mengadakan lawatan turun padang ke tapak pembinaan Parcel F milik Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. di Putrajaya. Lawatan berkenaan dibuat bagi meninjau pematuhan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tapak pembinaan berkenaan.

Ketika lawatan berkenaan, beliau berkata aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja terutamanya di tapak pembinaan perlu di titik beratkan bagi memastikan keselamatan pekerja dan orang awam berada di tahap yang optimum. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan tahap produktiviti dan kualiti kerja yang dilaksanakan.

Dalam majlis yang sama, beliau turut melancarkan Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di Industri Pembinaan (Pengurusan) 2017 sambil disaksikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Putrajaya Holding Sdn. Bhd. Datuk Azlan bin Abdul Karim, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Antarabangsa) KSM, Dato' Mohd Sahar bin Darusman dan Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Dato' Ir. Mohtar bin Musri.

Garis panduan yang dilancarkan ini memberikan panduan yang praktikal untuk klien, pereka bentuk dan kontraktor mengenai pengurusan KKP semasa menjalankan projek-projek pembinaan. Pengurusan KKP bagi sesebuah projek pembinaan haruslah bermula semasa fasa pra-pembinaan, dan tanggungjawab yang paling besar adalah di bahu klien, pemaju projek atau pemilik projek.

Selain itu, peranan klien adalah amat penting kepada prestasi KKP keseluruhan projek pembinaan, terutama dalam memastikan penyediaan sumber yang mencukupi dan memastikan orang yang kompeten dilantik pada masa yang tepat. Pereka bentuk atau konsultan mempunyai

tugas yang penting semasa fasa pra-pembinaan, manakala kontraktor haruslah memainkan peranannya dalam menguruskan fasa pembinaan.

Pihak-pihak yang berkepentingan ini perlu mentadbir urus, menjalinkan kerjasama yang baik, berkomunikasi dengan berkesan dan memastikan maklumat arahan, latihan dan penyeliaan yang mencukupi. Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. dan Sunway Construction, masing-masing sebagai klien dan kontraktor di tapak pembinaan Parcel F ini telah menerima penghargaan daripada YB Menteri Sumber Manusia kerana telah melaksanakan elemen-elemen Garis Panduan ini.

Tamat.

Tarikh siaran : 28 Februari 2017

Dikeluarkan oleh: Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

---

**Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**  
**Kementerian Sumber Manusia**  
**Aras 1,3,4 dan 5, Blok D4, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya**  
**Tel : 03 8000 8000 / 5264 Fax : 03 8889 2354**

.....

*Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP) ialah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Jabatan bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang sedang bekerja, dan melindungi orang lain daripada bahaya-bahaya keselamatan dan kesihatan yang berpunca daripada aktiviti pekerjaan pelbagai sektor.*

*Jabatan merupakan agensi kerajaan yang diberi tanggungjawab untuk mentadbir dan menguatkuasakan perundangan mengenai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di negara ini dengan wawasan menjadi sebuah organisasi yang menerajui negara dalam membentuk budaya kerja selamat dan sihat ke arah mempertingkatkan kualiti hidup semasa bekerja.*

.....